



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

Aras 16 &17

Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah

Lorong P. Ramlee Off Jalan P. Ramlee

93400 Kuching Sarawak

Emel : mis50@sarawak.gov.my

Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA

TEL : 082507214

FAKS : 082507240

PEJABAT SETIAUSAHA

TEL : 082507215

FAKS : 082507241

TALIAN AM

TEL : 082507251/507250

FAKS : 082507254



SARAWAK MAJU MAKMUR
1963-2023

Rujukan kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/1 Jld. II (38)
Tarikh : 7 Mei 2024

SEMUA PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN (JKP) MASJID & PEGAWAI MASJID DI BAWAH SKIM BARU PERKHIDMATAN PEGAWAI MASJID (SBPPM) SELURUH SARAWAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

PEMATUHAN KE ATAS PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL.5/2020: PEMAKLUMAN SEGERA KEMATIAN ATAU PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI MASJID

Dengan segala hormatnya Pekeliling Hal Ehwal Masjid Bil.5/2020: Pemakluman Segera Kematian Atau Peletakan Jawatan Pegawai Masjid bertarikh 2 November 2020 [No. Ruj: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (05)] mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid dan Surau – Majlis Islam Sarawak Kali Ke-78 Bil.3/2024 pada 23 April 2024 telah mengambil maklum peningkatan statistik lebih pembayaran Imbuan Persekutuan dan Elaun Negeri pegawai masjid atas sebab kelewatan pemakluman kematian dan peletakan jawatan pegawai masjid.

3. Sehubungan itu, JKP Masjid dan Pegawai Masjid di bawah SBPPM adalah diingatkan untuk mematuhi perkara-perkara berikut:

i. Kematian Pegawai Masjid

- (a) Jawatankuasa Pengurusan Masjid hendaklah memaklumkan maklumat kematian melalui surat rasmi kepada Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing dengan sesegera mungkin atau selewat-lewatnya **tujuh (7)** hari dari tarikh kematian; dan
- (b) Jawatankuasa Pengurusan Masjid hendaklah membuat permohonan secara dalam talian melalui **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Permohonan Penamatan Perkhidmatan Pegawai Masjid dengan kadar segera.

ii. Peletakan Jawatan Pegawai Masjid

- (a) Seseorang Pegawai Masjid hendaklah memberikan notis peletakan jawatan sekurang-kurangnya **satu (1)** bulan secara bertulis kepada Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan salinan kepada Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing; dan
- (b) Jawatankuasa Pengurusan Masjid hendaklah membuat permohonan secara dalam talian melalui **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Permohonan Penamatan Perkhidmatan Pegawai Masjid dengan kadar segera.

Rujukan kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/1 Jld. II (38)
Tarikh : 7 Mei 2024

4. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan, dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"PEMACU KECERMELANGAN UMMAH"
"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(HAJI MUAL BIN HAJI SUAUD)

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

s.k: Pegawai Agama Islam Bahagian – Mohon kerjasama pihak YBhg. Tuan/Puan untuk mengemukakan arahan ini kepada semua JKP Masjid dan Pegawai Masjid di bawah SBPPM di bahagian masing-masing.